



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Ruj Kami : JDN.100-1/7/1 (12)
Tarikh : 17 April 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian;

Semua Ketua Jabatan Persekutuan;

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan;

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri; dan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) Bilangan 1 Tahun 2025 pada 12 Februari 2025 yang dipengerusi oleh YAB Perdana Menteri memutuskan semua projek ICT yang belum dianugerahkan termasuk yang telah mendapat kelulusan pelaksanaan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri dikaji semula pelaksanaannya oleh Jabatan Digital Negara (JDN) selaras dengan pelaksanaan *Enterprise Architecture* (EA) Kerajaan dan kewajiban untuk kementerian menggunakan perkhidmatan guna sama ICT Kerajaan.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Februari 2025 telah bersetuju penilaian projek ICT sektor awam dimantapkan dengan memberi keutamaan kepada projek ICT yang memenuhi kriteria berikut:

- a) **Projek kritikal dan berimpak tinggi** yang memberi kesan kepada rakyat seperti kesihatan awam, pendidikan rakyat, keselamatan negara dan kepentingan ekonomi negara;
- b) **Projek kesinambungan yang memerlukan penggantian peralatan dan perisian ICT yang telah usang** (melebihi 10 tahun), *End of Life* (EOL) dan *End of Support* (EOS) yang tidak menguntungkan untuk dibaiki; dan

- c) projek ICT yang **menjurus ke arah Enterprise Architecture (EA) Kerajaan** bagi mengelakkan pertindihan fungsi aplikasi (perkhidmatan digital), penyimpanan data dan penggunaan platform teknologi secara optimum.

4. Selaras dengan ini, peranan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) diperkasakan seperti berikut:

- a) Melaksanakan penilaian projek ICT yang lebih ketat berdasarkan dan tidak terhad kepada kriteria di para 3 dan kriteria tambahan seperti di **Lampiran**;
- b) Melaksanakan penilaian projek ICT secara terperinci terutamanya melibatkan keperluan teknikal (contoh spesifikasi perkakasan ICT);
- c) Melaksanakan perancangan, penyelarasan, perundingan dan khidmat nasihat serta pemantauan semua projek ICT di peringkat Kementerian dan agensi; dan
- d) Menjadi rujukan utama bagi pelaksanaan projek ICT di Kementerian dan agensi.

5. Sehubungan dengan itu, dengan pelaksanaan penilaian yang komprehensif dan teratur, pelaksanaan projek ICT boleh diteruskan setelah mendapat kelulusan teknikal dan peruntukan. Oleh itu arahan pemantapan pengurusan projek ICT Kerajaan melalui Rujukan: JDN.100-1/7/1 (8) bertarikh 16 Julai 2024 adalah **terbatal**. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ICT hendaklah mematuhi perundangan, pekeliling, arahan, peraturan dan dokumen lain berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan saya dahulukan dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)

LAMPIRAN

KRITERIA TAMBAHAN BAGI PENILAIAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM

Pelaksanaan penilaian projek ICT sektor awam dimantapkan dengan mengambilkira kriteria tambahan berikut:

- a) projek yang **mengutamakan penggunaan perkhidmatan guna sama kerajaan** dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk jangka masa panjang (contoh MyGovUC, MyGovCloud@PDSA dan MyGDX) dan tertakluk kepada tanggungan kos perkhidmatan oleh Jabatan Digital Negara (JDN);
- b) projek **bukan merupakan sistem sokongan fungsi generik agensi sektor awam** yang telah dibangunkan dan digunakan oleh agensi sektor awam (contoh sistem kehadiran);
- c) projek **perkhidmatan kajian dilaksanakan secara dalaman** oleh agensi dengan kerjasama perundingan JDN dan kepakaran ICT sektor awam; dan
- d) projek yang **mengambil kira teknologi baharu** dalam pembangunan perkhidmatan digital kerajaan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.